

CIAK TEMPUA
Baya Weaver

FAMILI: Ploceidae
NAMA SAINTIFIK: *Ploceus philippinus*



CIRI-CIRI

Spesies ini biasanya ditemui dalam kumpulan yang besar. Semasa musim membiak, individu jantan mempunyai bahagian atas kepala yang berwarna kuning. Semasa luar musim pembiakan pula, corak bulunya sama seperti individu betina. Individu betina mempunyai bahagian bawah badan yang berwarna coklat pucat. Bahagian atas badan pula berwarna lebih gelap. Individu juvenil hampir sama seperti betina tetapi mempunyai bahagian bawah badan yang lebih gelap dan jalur pada bahagian atas kepala adalah lebih terputus.

SAIZ

Panjang keseluruhan individu dewasa adalah kira-kira 15 sm.

MAKANAN

Diet utamanya terdiri daripada biji-bijian dan kadangkala terdiri daripada invertebrata.

HABITAT

Spesies ini biasanya ditemui di kawasan pertanian, kawasan berumput, kawasan terbuka dan hutan sekunder sehingga ke ketinggian 1, 220 m dari aras laut.

BUNYI

Spesies ini biasanya mengeluarkan bunyi *cher-wiu*. Kadangkala, ia juga mengeluarkan bunyi *chit* yang berulang-ulang.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah sepanjang tahun terutamanya pada bulan Disember-Jun dan biasanya secara berkoloni. Sarangnya dianyam dengan kemas, berbentuk bujur dengan pintu pada bahagian bawah yang berbentuk seperti terowong. Sarang bagi individu jantan dan betina boleh dibezakan berdasarkan binaannya. Individu betina boleh menghasilkan di antara 2-5 biji telur yang berwarna putih semasa musim pembiakan.